

Negara perlu kepemimpinan berkualiti

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 April. - Bagi membangunkan sebuah negara maju, makmur dan progresif, memerlukan kepimpinan berkualiti yang diajukan oleh Islam, berdedikasi serta berintegriti dari segi mental, fizikal dan spiritual, adil, saksama, berakhlak mulia juga berpegang teguh pada undang-undang syariah. Ia sebagai contoh pada kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Madinah. Justeru itu, bagi menyempurnakan risalah Baginda itu 'gagasan umran' diperkenalkan dan dijadikan sebagai mekanisme

mover pada pembangunan. Perkara itu antara inti pati ceramah, bertajuk 'Berdedikasi dan Berintegriti Berlandaskan Ajaran Islam' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Profesor Dr. Mahyuddin bin Haji Yahya dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Awang Haji Ali bin Haji Apong. Majlis itu diselenggarakan dengan penyampaian sijil perkhidmatan kepada seramai 66 pegawai serta kakitangan yang bersara di KSSUP

dan jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun 2006. Acara tersebut bertujuan bagi memperingati peristiwa Israk dan Mikraj juga bagi menghargai serta mengenang jasa bakti pegawai dan

kakitangan yang pernah bertugas dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kuliah Subuh Kementerian Pertahanan



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Khas Kuliah Subuh, Bacaan Al-Quran dan Ratib Al-Attas Kementerian Pertahanan dan ABDB di Surau Ad-Difa', Bolkliah Garrison.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 April. - Lebih 500

orang hadir pada Majlis Khas Al-Quran dan Ratib Al-Attas Kuliah Subuh, Bacaan yang terdiri dari Pegawai-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB bertempat di Surau Ad-Difa', Bolkliah Garrison, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff. Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, TLDB; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan

Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Pemrintah-pemrintah Angkatan Tentera dan Angkatan Bersama, Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan), Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Kuliah Subuh yang bertemakan 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat', disampaikan oleh Pemangku Ketua Jabatan Agama ABDB, Mejar Ariffin bin Amit.

Kementerian Kewangan semarak Sambutan Israk Mikraj

Oleh : Wan Mohamad Sahrnan
Wan Ahmadi
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 April. - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Dewan Teater kementerian berkenaan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Setiausaha Tetap (SUT) dan Timbalan-Timbalan SUT serta para pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Ceramah bertajuk 'Sembahyang Berjemaah, Meraih Berkat' yang disampaikan oleh Daic bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin



MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (depan, tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Teater kementerian berkenaan.

Haji Ajak menyerikan majlis keagamaan tersebut. Awang Abdul Rahman menentangakan sejauh mana kita selaku umat Islam memandang solat berjemaah merahit berkat dan mengikut kisah, Rasulullah amat menitikberatkan sembahyang berjemaah meskipun seseorang

itu buta tapi ia boleh mendengar azan. Selain itu, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tatkala Baginda uzur hendak wafat sekalipun dipapah ke masjid bagi menunaikan sembahyang berjemaah waktu Subuh. Dalam satu hadis yang

dijelaskannya, kelebihan-kelebihan sembahyang berjemaah itu antaranya ialah barang siapa mereka yang berjalan ke masjid bagi menunaikan solat berjemaah maka pahalanya sama seperti menunaikan haji setiap kali waktu. Majlis tersebut merupakan salah



CERAMAH disampaikan oleh Daic bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

satu aktiviti tahunan keagamaan dalam memperingati dan membesarkan sambutan Israk dan Mikraj, di samping mengeratkan ukhwah warga kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.